

Orang muda dalam Kabinet serlah keyakinan kepada 'tunas baharu'

● Rombakan ini adalah gabungan dua realiti, iaitu keperluan penerusan dan pengukuhan dasar serta keperluan politik sebenar untuk menstabilkan gabungan parti kerajaan menjelang Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16)

● Pada peringkat timbalan menteri pula, ia menyuntik dinamika baharu dalam Kabinet, malah berpotensi memperkukuh hubungan kerajaan dengan akar umbi melalui pemimpin yang masih dekat dengan realiti rakyat



Naib Canselor
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Oleh Prof Dr Ahmad Martadha
Mohamed
bhrencana@bh.com.my

Senarai ahli Kabinet diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kelmarin adalah satu rombakan bertepatan dengan masanya. Rombakan ini lebih bermakna kepada penulis kerana tarikhnya serentak dengan lantikan sebagai Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM).

Umumnya, rombakan ini adalah gabungan dua realiti, iaitu keperluan penerusan dan pengukuhan dasar serta keperluan politik sebenar untuk menstabilkan gabungan parti kerajaan menjelang Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16).

Rombakan ini jelas cuba membina teras ekonomi lebih *market-friendly*, khususnya pertukaran portfolio Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) kepada seorang tokoh ekonomi dan korporat berwibawa daripada UMNO, iaitu Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Begitu juga dengan jawatan Menteri Ekonomi diperuntukkan kepada seorang tokoh muda memiliki ijazah berganda dalam bidang Sains Aktuari dan Ekonomi dari Universiti Wisconsin-Madison, iaitu Akmal Nasrullah Mohd Nasir, bekas Ketua Pemuda PKR.

Aspek kesinambungan dasar pula dapat dilihat, khususnya melalui pengkalan Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir yang melaksanakan tanggungjawab merancang dan melaksanakan dasar dengan cemerlang selaku Menteri Pendidikan Tinggi dalam memacu Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi serantau dan pusat idea global.

Turut dikekalkan portfolio mereka ialah beberapa menteri lain yang menunjukkan prestasi amat memberangsangkan seperti Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail selaku Menteri Dalam Negeri; Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi selaku Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah serta Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan selaku Menteri Luar Negeri.

Selain itu, pengembalian portfolio Menteri Hal Ehwal Sabah & Sarawak, diisi Pengerusi PKR Sabah, Datuk Mustapha Sakmud, boleh dibaca sebagai isyarat kerajaan mahu memberi tumpuan khusus kepada isu federalisme, pembangunan wilayah serta tuntutan dan keperluan unik dua negeri terbabit.

Antara lantikan baharu wajar dipuji ialah Dr Zulkifli Hassan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Beliau seorang tokoh profesional berwibawa dengan latar belakang akademik serta daya intelektual tinggi, sekali gus diyakini mampu mengemudi urusan agama secara matang dan berautoriti.

Pelantikan Ketua Wanita UMNO, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad sebagai Menteri Perlindungan dan Komoditi pula mencerminkan pengiktirafan terhadap kepemimpinan wanita berpengalaman dalam mengurus portfolio ekonomi strategik.

Lantikan Pengerusi DAP Pulau Pinang, Steven Sim sebagai Menteri Usahawan dan Koperasi juga dilihat sebagai langkah baik dan strategik memandangkan prestasi memberangsangkan ketika menerajui Kementerian Sumber Manusia sebelum ini.

Pada masa sama, pelantikan Datuk Seri R Rahman sebagai Menteri Sumber Manusia tidak sepatutnya menimbulkan isu kerana ia selari dengan tradisi perwakilan kepemimpinan masyarakat India, manakala lantikan Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Datuk Seri Arthur Joseph Kurup, yang muda dan progresif, sebagai Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam dilihat tepat dalam memperkukuh agenda kelestarian dan wakil Sabah pada peringkat Persekutuan.

Rombakan ini menunjukkan kebijaksanaan Perdana Menteri mengekalkan keseimbangan politik gabungan tanpa mengorbankan integriti pelantikan

Potensi memimpin agenda belia negara

Antara kekuatan penting lain rombakan Kabinet 2025 ialah penampilan ahli Parlimen muda, khususnya Ahli Parlimen Sungai Petani yang juga Naib Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK), Dr Mohammed Taufiq Johari sebagai Menteri Belia dan Sukan. Pelantikan beliau mencerminkan keyakinan terhadap profesional muda berpendidikan dan berpotensi memimpin agenda belia negara secara lebih segar.

Pada peringkat timbalan menteri pula, ia menyuntik dinamika baharu dalam Kabinet, malah berpotensi memperkukuh hubungan kerajaan dengan akar umbi melalui pemimpin yang masih dekat dengan realiti rakyat.

Mereka yang dilantik adalah Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin sebagai Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri; Ahli Parlimen Segamat, R Yuneswaran sebagai Timbalan Menteri Perpaduan Negara; Ahli Parlimen Ledang, Syed Ibrahim Syed Noh sebagai Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Ahli Parlimen Miri, Chiew Choon Man (Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya); Ahli Parlimen Mas Gading, Mordi anak Bimol sebagai Timbalan Menteri Belia dan Sukan; Ahli Parlimen Tawau, Datuk Lo Su Fui sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) serta Ahli Parlimen Paya Besar, Datuk Mohd Shahrul Abdullah sebagai Timbalan Menteri Ekonomi.

Senarai timbalan menteri ini memperlihatkan satu corak pembaharuan menyegarkan pemimpin muda. Pada masa sama, antara isu hangat di media sosial ialah apabila Kementerian Wilayah Persekutuan kini diterajui Hannah Yeoh Tseow Suan daripada DAP selaku Menteri dan Datuk Lo Su Fui daripada GRS selaku Timbalan Menteri dibaca melalui lensa kaum.

Wajar ditegaskan Menteri Wilayah Persekutuan yang baharu ialah Ahli Parlimen Segambut dalam Wilayah Persekutuan. Komposisi kerusi Parlimen Wilayah Persekutuan selepas PRU15 menunjukkan PH memenangi 10 daripada 13 kerusi, dengan lima daripadanya melalui DAP. Ini menunjukkan lantikan itu selari dengan realiti mandat pengundi bandar dan struktur kuasa kerusi.

Kebimbangan netizen sepatutnya dialih daripada sentimen kaum kepada ukuran prestasi dari sudut pengurusan bandar, perumahan, banjir kilat, kebersihan, keselamatan komuniti dan kecukupan pihak berkuasa tempatan.

Satu lagi isu dimainkan netizen ialah lantikan Ahli Parlimen Hang Tuah Jaya, Adam Adli sebagai Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, tetapi lantikan ini adalah tepat memandangkan Pendidikan Tinggi dan mahasiswa ialah ekosistem sensitif kepada isu kos sara hidup, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, kebebasan akademik, kebajikan pelajar dan peluang pekerjaan graduan.

Adam sebagai bekas aktivis mahasiswa berpotensi memainkan peranan sebagai 'jambatan' untuk menyantuni mahasiswa dengan bahasa dan pengalaman yang mereka faham, sekali gus mengurangkan jurang antara kementerian dan akar pelajar.

Dalam konteks PRU16, kerajaan memang perlu lebih meyakinkan pengundi muda, jadi pemilihan figura memahami psikologi dan budaya gerakan anak muda boleh menjadi aset dengan syarat beliau benar-benar turun padang dan bukan sekadar simbol.

Tegasnya, rombakan ini menunjukkan kebijaksanaan Perdana Menteri mengekalkan keseimbangan politik gabungan tanpa mengorbankan integriti pelantikan. Ia mampu menjadi Kabinet kuat dari sudut fokus ekonomi apa lagi jika menteri dan timbalan menteri baharu mampu *deliver* Petunjuk Prestasi Utama (KPI) mereka dalam tempoh enam hingga 12 bulan ke depan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH